

Kawalan yg lebeh ketat terhadap pembiaakan kelab2 silat dlm kajian

PEMERINTAH sedang mengkaji langkah2 untuk mengadakan kawalan2 yang lebeh ketat terhadap pembiaak-nya kelab2 seni pertunjukan diri di Singapura.

Langkah tersebut diambil berikutan dengan gesaan yang di-buat oleh dua orang setiausaha parlimen agar pertunjukan di-kalangan peminat2 senisilat dapat dikawal. **NOV 1972**

Pada bulan September yang lalu, Enche Chan Chee Seng, Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Hal Ehwal Masyarakat telah memberi amaran kepada kelab2 agar jangan membenarkan orang2 yang jahat mempelajari senisilat yang bahaya ini.

Kennudian minggu lalu, Enche Sha'ari Tadin (Setiausaha Parlimen Kebudayaan) telah menarek perhatian tentang akibat2 terhadap orang2 yang mempunyai tujuan2 jahat mempelajari seni itu.

Dia menambahkan: "Di Singapura, senigang2 kelab menjadikan senisilat itu terlah komersial."

Undang2 yang berbubong dengan pendafaran sekolah2 pertahanan diri sah, bagi persatuan yang sah, dan bukan sebagai badan perniagaan sekarang ini merupakan tugas utama Kementerian.

SIPURA, Isnin

Faedah2nya, dengan tidak perlu mempunyai minat cintakan seni pertahanan diri itu, menyebabkan ramai yang masuk menjadi anggota.

Oleh itu, peratoran2 untuk masuk begitu longgar dan latihan2 tidak lengkap.

Satu sumber memberitahu: "Memang ada orang2 jahat yang mempelajari seni pertahanan diri ini dan menggunakan untuk tujuan2 jahat. Pementah sedang menahari jalan untuk menghalang orang2 ini mempelajari atau menggunakan seni ini."

Tidaklah di-kerahui pula rangka undang2 itu boleh di-siapkan. "Belum ada keputusan muktamad dibuat. Tetapi salah satu chara ialah untuk pendafaran persatuan. Kami akan mendekati mas alan2 dari segi ini."

Enche Sha'ari berkata: "Kedua2 perkara menjadi serius dan saya akan menyorkong bahawa undang2 untuk mengawal pertumbuhan kelab2 seperti ini."